



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

Sebagai tambahan kepada Kenyataan Media harian yang selalunya diedarkan pada jam 7 malam, Kenyataan Media ini dikeluarkan untuk menjelaskan perubahan-perubahan dalam SOP yang terkini, yang telah diwartakan pada 10 Februari 2022 dan mulai dikuatkuasakan di seluruh negeri Sabah mulai 11 Februari 2022, seperti berikut:

**Muka Surat 7 dan 8 : Tempoh Kuarantin Penerima Booster**

- i Tempoh kuarantin dikurangkan kepada lima (5) hari sahaja bagi mereka yang sudah menerima dos penggalak.
- ii Terma untuk menjalani ujian RT PCR pada hari ke-5 (kuarantin tujuh (7) hari) dan hari ke-8 (kuarantin sepuluh (10) hari) ditiadakan.
- iii Definisi baru lengkap divaksin bagi setiap jenis vaksin.

**Muka Surat 16 : Tidak Perlu Semakan Suhu Dan Protokol Umum**

- i Semakan suhu ditiadakan (pengimbas suhu tidak diwajibkan).
- ii Semakan status pada MySejahtera diwajibkan (hanya pelanggan "Low Risk" termasuk "Casual Close Contact" dibenarkan). Kad vaksinasi dibenarkan.

**Muka Surat 25 : SOP Baru Majlis Kerajaan**

- i Majlis rasmi/rasmi kerajaan dan swasta dibenarkan tertakluk 150 peserta atau 50% kapasiti ruang (mana-mana lebih rendah), pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan SOP penganjuran cuma 2 jam sahaja.
- ii Individu yang hadir perlu menjalani ujian kit sendiri (saliva) dan hendaklah disaksikan penganjur atau pengesahan dari pengamal perubatan.

## **Muka Surat 26 : SOP Baru Majlis Sosial**

- i. Majlis perkahwinan, pertunangan dan resepsi:
  - Kapasiti adalah maksima 150 orang atau 50% ruang, yang mana lebih kecil; dan dijalankan dalam tempoh maksima 3 jam sahaja;
- ii. Majlis akikah, doa selamat, tahlil, ulang tahun, perayaan, hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial:
  - Kapasiti adalah maksima 50 orang atau 50% ruang, yang mana lebih kecil; dan dijalankan dalam tempoh maksima 2 jam sahaja.

## **Muka Surat 34 : Penutupan Sekolah**

Semua sekolah dan institusi Pendidikan di bawah KPM dan institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM DIBENARKAN dibuka dengan kemasukan murid/pelajar secara berperingkat tertakluk kepada ketetapan KPM dengan mengambil kira penilaian risiko oleh KKM dan MKN. Sekiranya terdapat kes positif, pembukaan atau penutupan sekolah rendah dan sekolah menengah adalah tertakluk kepada arahan semasa oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).

Tarikh SOP Baru Berkuatkuasa mulai 11hb Februari 2022 (Jumaat).

Sekian.

#LindungidiriLindungisemua  
#KeluargaMalaysia  
#SabahMajuJaya

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
11 FEBRUARI 2022**